

24/03/2001

Taman Pertanian Sabah mampu tarik pelancong

TAMAN Pertanian Sabah di Lagud Sebrang, Tenom, yang menyimpan lebih 1,000 spesies tanaman adalah khazanah pelancongan berharga Sabah kerana turut mengekalkan alam semula jadi selain sebagai pusat latihan dan penyelidikan.

Kini pusat berkenaan yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok, akan dibuka pintunya untuk menerima kedatangan pelancong tempatan dan asing.

Dengan meliputi kawasan seluas 600 hektar (termasuk sebahagian besarnya masih dikekalkan sebagai hutan semula jadi) akan menjadi destinasi pelancongan baru di pedalaman Sabah.

Diuruskan oleh Jabatan Pertanian Sabah, taman ini terletak cuma kira-kira 15 kilometer dari Pekan Tenom dan kira-kira 200 kilometer dari Kota Kinabalu, dibahagikan kepada lebih 50 ladang pertanian dan penternakan.

Fungsi taman itu adalah pelbagai, termasuk sebagai pusat latihan dan penyelidikan golongan petani, penyelidik dan pelajar sekolah serta institusi pengajian tinggi.

Dengan demikian, Tenom akan mempunyai satu lagi pusat tumpuan selain terkenal sebagai daerah pengeluar kopi utama Sabah.

Taman Pertanian Sabah mula dirancang pembinaannya pada 1994 dan pembinaan dimulakan setahun kemudian. Taman itu siap sepenuhnya pada Oktober tahun lalu, sekali gus dibuka kepada orang ramai.

Pengurus taman berkenaan, Vermol Thomblon, berkata walaupun Jabatan Pertanian memperuntukkan kawasan seluas 600 hektar sebagai taman, namun hanya 240 hektar dibangunkan sebagai taman.

"Kawasan selebihnya diberikan kepada pusat penyelidikan, pusat pengeluaran tanaman jangka pendek dan pusat latihan pertanian. Pada masa sama, kawasan itu turut dibuka kepada pelancong," katanya.

Taman Pertanian Sabah dibuka kepada orang ramai mulai jam 9 pagi hingga 5 petang setiap hari, kecuali Isnin.

Bayaran masuk bagi orang dewasa ialah RM10 seorang, manakala pelajar sekolah menengah (RM7), pelajar sekolah rendah (RM5) dan pelancong asing (RM25). Bagi pesara kerajaan dan orang kurang upaya, bayaran masuk berbeza.

Manakala bagi keluarga berminat menginap di asrama, pihak taman menyediakan satu pakej khas dan diberikan diskaun.

Kereta dibenarkan masuk ke taman itu, tetapi terhad dan biasanya hanya kereta jenis pacuan empat roda kerana kebanyakan jalan adalah jalan ladang.

Vermol berkata, dengan pembukaan secara rasmi hujung minggu ini, taman itu mampu menjadi satu taman pertanian tercantik di negeri ini kerana ia adalah taman pertama seupamanya di Sabah.

"Taman ini menggabungkan pelbagai jenis taman dan tidak terhad kepada pertanian saja. Selain dijadikan tempat pelancongan, ia juga dijadikan tempat penyelidikan oleh pelajar terutama dari institusi pengajian tinggi dan pengkaji dari luar negara," katanya.

Taman itu dibahagi kepada pelbagai bahagian, antaranya 17 taman bunga di taman itu seperti Taman Bunga Lily, Orkid dan Kektus.

Selain itu, katanya, taman berkenaan juga mempunyai Muzium Tanaman Hidup seluas 3.2 hektar mengandungi 400 spesies tanaman yang boleh dijadikan sayuran, minuman, wangian, ubatan dan rempah.

Berhampiran muzium itu terdapat lima jenis taman yang dikenali sebagai

Taman Model, iaitu taman biasa, keluarga, kecil, bandar dan desa.

"Tujuan lima Taman Model itu diadakan untuk memberi ilham kepada orang ramai khususnya pengunjung untuk membuat taman di rumah masing-masing berdasarkan model yang ada," katanya.

Bagi penggemar Orkid atau Anggerik, taman itu juga mempunyai Taman Orkid Tempatan seluas 1.6 hektar dan mempunyai 400 spesies orkid.

"Taman Orkid adalah tempat pertama yang ada di taman itu dan dari situlah bermulanya Taman Pertanian Sabah. Taman itu amat dikenali di seluruh negara dan ramai pengkaji dari luar negara membuat kajian di situ.

"Selain itu, bersebelahan dengan Taman Orkid Tempatan, terdapatnya Taman Orkid Kacukan di kawasan seluas 0.8 hektar. Orkid atau Anggerik yang terdapat di taman itu sudah dikacukkan," katanya.

Vermol berkata di taman itu juga terdapat Taman Evolusi yang khas untuk pelajar sekolah dan penuntut institusi pengajian tinggi mengkaji perkembangan tanaman dan ternakan.

Beliau juga berkata pada dasarnya matlamat utama penubuhan taman itu selain untuk pelancongan, adalah sebagai pusat pembelajaran kepada petani yang berkaitan dengan pertanian.

"Bagaimanapun, sasaran kami tidak sepenuhnya tercapai kerana jumlah petani yang datang adalah sedikit kira-kira 15 peratus sahaja. Mungkin kerana mereka tidak tahu adanya taman itu atau tidak ada dorongan.

"Jika petani datang dan melihat bagaimana penyelidikan dilakukan, pastinya mereka boleh amalkan di kawasan masing-masing. Ini kerana pada mulanya ia khas untuk mereka," katanya.

Beliau berkata ladang lain yang ada taman itu termasuk ladang bambu, palma, rotan, lebah madu, kerbau, sapi, kuda, payau (rusa) dan ostrich.

Mengenai kedatangan pelancong, beliau berkata, sambutannya amat menggalakkan terutama pada masa cuti sekolah yang mencecah antara 300 hingga 400 sehari.

"Kami akan memperhebatkan lagi promosi taman ini bagi mencapai sasaran 300 pengunjung sehari pada hari biasa dan berharap sasaran itu dapat dicapai," katanya.

Bagi Januari hingga Februari tahun ini, jumlah pelancong yang mengunjungi taman itu sudah mencapai 2,000 orang. Kebanyakan pengunjung adalah dari Kota Kinabalu, Keningau, Tenom dan Tawau.

Manakala pelancong asing termasuk dari United Kingdom, Jerman, Taiwan, Jepun dan Denmark.

Kos penyelenggaraan agak tinggi dan hasil kutipan daripada kedatangan pelancong diguna untuk menampung keperluan. Kerajaan negeri pula memperuntukkan RM1 juta setahun untuk menyelenggara.

Sempena perasmian Ahad ini yang akan dilakukan di Taman Orkid Tempatan, Perdana Menteri akan turut melawat sekitar taman berkenaan serta menanam pokok dan melihat pameran berkaitan taman.

(END)